**LE WEI KEONG**

**lwn.**

**TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ZAWAWI SALLEH PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: MT(3) 44-03-2008]
23 MEI 2008

***TAHANAN PENCEGAHAN:*** *Perintah tahanan - Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 - Permohonan untuk habeas corpus - Keesahan perintah tahanan - Prosedur - Sama ada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia menumpukan mindanya kepada cabang yang relevan - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 4(1)*

***TAFSIRAN STATUT:*** *Pentafsiran statut - 'Conjunctive' atau 'disjunctive' - Perintah tahanan - Niat sebenar Parlimen atau pihak eksekutif - Tujuan sebenar Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia membuat perintah tahanan - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 4(1)*

Ini adalah permohonan oleh pemohon untuk satu writ *habeas corpus* mencabar keesahan satu Perintah Tahanan bertarikh 1 Oktober 2007 yang dibuat oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia ('Menteri') di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan tersebut') yang memerintahkan supaya pemohon ditahan selama 18 bulan di sebuah pusat pemulihan akhlak. Persoalan yang dibangkitkan oleh pemohon adalah berkaitan dengan isu sama ada Menteri telah menumpukan mindanya kepada cabang ('limb') yang relevan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut apabila membuat Perintah Tahanan tersebut. Oleh itu, ia adalah merupakan suatu perkara prosedur dan jika dapat ditunjukkan bahawa terdapat keraguan mengenai cabang yang mana satu Menteri telah menumpukan mindanya terhadap atau sama ada beliau menumpukan kepada kedua-dua cabang itu apabila membuat perintah itu, faedah keraguan itu mestilah diberikan kepada pemohon.

A **Diputuskan (menolak permohonan):**

**(1)** Adalah tidak selamat untuk terlalu bergantung kepada penyifatan ('characterisation') sesuatu perenggan tujuan penahanan pemohon yang terdapat dalam Perintah Tahanan
B sebagai 'conjunctive' atau 'disjunctive' untuk menyimpulkan dengan pasti niat sebenar Menteri apabila beliau membuat perintah tersebut. Ini adalah kerana, dalam menafsirkan sesuatu statut sekalipun "courts may construe 'and' as 'or' in statutes where a construction based on the strict reading of
C the statute would lead to an unintended or unreasonable result and would defeat the legislative intent of the statute". Dengan perkataan lain, penyifatan sesuatu seksyen atau perenggan kepada seksyen kepada 'conjunctive' atau 'disjunctive' tidak boleh dengan tepat menentukan niat sebenar
D Parlimen atau menentukan niat atau hasrat oleh pihak eksekutif. Kesemua fakta dan keadaan yang terdapat dalam kes berkenaan perlu diambilkira. Tujuan sebenar Menteri membuat Perintah Tahanan terhadap pemohon perlu dilihat kepada perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) yang terdapat dalam
E Perintah Tahanan itu sendiri, di mana tiada mana-mana dari perenggan tersebut telah dipotong oleh beliau sebagai tidak berkenaan dan dengan demikian semua perenggan tersebut hendaklah dianggap relevan. Rujukan juga perlu dibuat kepada afidavit beliau yang menjelaskan secara terperinci mengapa
F kesemua tujuan yang terdapat dalam perenggan (a), (b) dan (c) itu terpakai terhadap pemohon. Sesungguhnya keputusan Menteri ialah untuk menahan pemohon atas semua tujuan yang terdapat dalam s. 4(1) Ordinan tersebut, iaitu mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang
G memudaratkan ketenteraman awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Pada pandangan mahkamah, tidak ada apa-apa keraguan yang berbangkit mengenai perkara ini. Kesimpulan selainnya adalah bertentangan dengan keberatan ('weight') keterangan dan fakta
H yang terdapat dalam kes ini. Berdasarkan kepada alasan di atas, permohonan writ *habeas corpus* yang dibuat oleh pemohon tidak mempunyai merit. (perenggan 18, 19 & 20)

I

**Kes-kes yang dirujuk:**

*A Chandra Segaran Anggapan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia [2002] 1 LNS 169* ***(dirujuk)***

*Byte Intern Corp v. Maurice Gusman Residuary Trust No. 1, 629 So 2nd 191* ***(dirujuk)***

*Chia Khim Seng v. Dato' Noh Hj Omar & Yang Lain [2005] 6 CLJ 401 HC* ***(dirujuk)***

*Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC* ***(dirujuk)***

*Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Case [1993] 4 CLJ 336 SC* ***(dirujuk)***

*Mok Han Liang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1996] 3 CLJ 122 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Emergency (Public Order And Prevention of Crime) Ordinance 1969, s. 4(1)

Federal Constitution, art. 43A(2), s. 30 of Eleventh Schedule

*Bagi pihak pemohon - Muhammad Abdul Kadir; T/n KL Chee & Co*
*Bagi pihak responden - Tengku Amir Zaki Tengku Hj Abdul Rahman SFC*

*Dilaporkan oleh Suresh Nathan*

## PENGHAKIMAN

### Zawawi Salleh PK:

### Pendahuluan

**[1]** Ini adalah permohonan oleh Encik Le Wei Keong ('pemohon') untuk satu writ *habeas corpus*. Pemohon mencabar keesahan satu Perintah Tahanan bertarikh 1 Oktober 2007 yang dibuat oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan tersebut') yang memerintahkan supaya Pemohon ditahan selama lapan belas (18) bulan mulai dari 1 Oktober 2007, di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor.

**[2]** Bagi menyokong permohonannya, pemohon telah menyatakan bahawa perintah tahanan tersebut adalah cacat dan tidak mematuhi s. 4(1) Ordinan tersebut kerana:

6. Saya telah dimaklumkan oleh peguam saya bahawa alasan-alasan tahanan dalam Perintah Tahanan terhadap saya di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 adalah untuk mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam atau menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah melibatkan kekerasan dan alasan-alasan tahanan terhadap saya telah dinyatakan secara alternatif.

7. Akan tetapi saya dimaklumkan oleh peguam saya bahawa Perintah Tahanan saya di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat terhadap saya hendaklah dinyatakan secara 'disjunctive' iaitu sama ada bertujuan mencegah daripada melakukan perbuatan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam atau menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Oleh yang demikian, saya dimaklumkan oleh peguam saya bahawa Perintah Tahanan terhadap saya adalah cacat kerana ketidakpatuhan dengan peruntukkan di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat, iaitu perintah itu tidak jelas mengenai cabang yang mana di bawah s. 4(1) saya telah ditahan.

8. Saya juga dinasihati oleh peguamcara saya bahawa pemutusan sama ada Timbalan Menteri telah menumpukan fikirannya kepada cabang relevan atau kepada kedua-dua cabang, apabila membuat Perintah Tahanan itu, adalah suatu perkara prosedur dan jika ditunjukkan bahawa terdapat keraguan mengenai cabang yang mana satu Timbalan Menteri itu telah menumpukan fikirannya terhadap, atau sama ada beliau menumpukan fikirannya kepada kedua-dua cabang itu apabila membuat perintah itu, faedah keraguan itu mestilah diberikan kepada orang yang ditahan.

**[3]** Mahkamah berpuas hati bahawa persoalan yang dibangkitkan oleh pemohon adalah berkaitan dengan isu sama ada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia telah menumpukan mindanya kepada cabang ('limb') yang relevan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut apabila membuat perintah tahanan tersebut. Oleh itu, ia adalah merupakan suatu perkara prosedur, dan jika dapat ditunjukkan bahawa terdapat keraguan mengenai cabang yang mana satu Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia telah menumpukan mindanya terhadap, atau sama ada beliau menumpukan kepada kedua-dua cabang itu apabila membuat perintah itu, faedah keraguan itu mestilah diberikan kepada pemohon (lihat kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914).

**[4]** Perintah tahanan (eks. "LWK1" kepada afidavit pemohon) ialah seperti yang berikut:

OD (KAMJ) 1B

**ORDINAN DARURAT**

**(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969**

**PERINTAH TAHANAN**

[Seksyen 4(1)]

Kepada

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan:

(a) mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam*

(b) menghapuskan kekerasan*

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan*

| Nama | Nombor Kad Pengenalan |
|---|---|
| LE WEI KEONG | 810707-14-5217 |

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebut di atas ditahan selama lapan belas (18) bulan mulai dari 1 haribulan Oktober 2007 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 1 haribulan Oktober, 2007

A

t.t

(DATO' MOHD JOHARI BIN BAHARUM)
TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN
DALAM NEGERI MALAYSIA

[KAMJ 17246 ]

B

* Potong yang tidak berkenaan

## Undang-Undang Yang Terpakai

**[5]** Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa s. 4(1) C Ordinan tersebut mempunyai dua cabang yang berasingan dan berlainan sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Case* [1993] 4 CLJ 336. Kegagalan Menteri (termasuk juga Timbalan Menteri menurut Perkara 43A(2) dan D seksyen 30 Jadual Ke Sebelas Perlembagaan Persekutuan) menentukan dalam Perintah Tahanan cabang mana yang terpakai akan menjadikan perintah tersebut cacat. Oleh itu, adalah penting bagi Menteri untuk mengguna pakai cabang yang betul dan relevan semasa membuat sesuatu perintah di bawah s. 4(1) tersebut. E (Lihat juga kes-kes *Chia Khim Seng v. Dato' Noh Hj. Omar & Yang Lain* [2005] 6 CLJ 401, *Mok Han Liang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & 2 Ors* [1996] 3 CLJ 122).

**[6]** Syed Ahmad Helmy, PK (sebagaimana dia ketika itu) dalam F kes *A Chandra Segaran a/l Anggapan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia* [2002] 1 LNS 169 berpendapat bahawa cabang kedua s. 4(1) itu boleh dipecah bahagikan lagi kepada dua (2) cabang kecil yang berasingan, iaitu "menghapuskan kekerasan" dan "mencegah jenayah melibatkan kekerasan". Beliau berkata:

G

> based on the disjunctive interpretation of the word "or" appearing in section 4(1) of the Ordinance I am of the considered view that the second limb therefore can be sub-divided further into two and separate sub-limbs, namely the "suppression of violence" and the "prevention of crimes involving violence."

H

**[7]** Mahkamah ini bersetuju dengan pendapat tersebut kerana jika diteliti s. 4(1) Ordinan itu adalah jelas bahawa cabang pertama adalah bertujuan untuk mencegah daripada perbuatan yang dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam sedangkan cabang kedua pula bertujuan menghapuskan kekerasan dan I mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Walau bagaimanapun, pecah bahagian lanjut itu tidak membawa apa-apa kesan di segi

substantif kerana cabang kedua memperkatakan tentang "kekerasan", iaitu "menghapuskan kekerasan" dan "mencegah jenayah melibatkan kekerasan". A

**Hujah Pemohon**

**[8]** Encik Muhamad Abdul Kadir, peguam terpelajar pemohon mengemukakan hujah bahawa jika dilihat kepada perintah tahanan di atas, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia tidak menentukan cabang yang mana yang terpakai terhadap pemohon kerana tiada apa-apa pemotongan dibuat terhadap perenggan (a), (b) dan (c). Ini menunjukkan beliau tidak menumpukan mindanya terhadap fakta kes dan menentukan cabang yang relevan yang terpakai kepada pemohon. Dalam keadaan sedemikian, menurut peguam terpelajar, beliau telah menggunakan kuasa tahanannya secara mekanik. Timbalan Menteri mesti memilih salah satu cabang yang terpakai dan kegagalan untuk berbuat sedemikian menimbulkan keraguan mengenai cabang yang mana satu Timbalan Menteri telah menumpukan mindanya. B C D

**[9]** Seterusnya peguam terpelajar berhujah bahawa tujuan tahanan di perenggan (a), (b) dan (c) itu tidak boleh dibaca secara "conjunctive" kerana tidak terdapat perkataan "dan" antara ruangan perenggan (a), (b) dengan perenggan (c). Tujuan-tujuan itu mesti dibaca secara "disconjunctive" kerana Timbalan Menteri mesti membuat pilihan mengenai cabang yang terpakai. E F

**Keputusan Mahkamah**

**[10]** Dalam menimbangkan sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur semasa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia menentukan tujuan penahanan terhadap pemohon, mahkamah mengambil perhatian nasihat yang diberikan oleh Abdul Hamid Mohamad, HMP (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *Lee Kew Sang (supra),* apabila beliau berkata: G

> … So in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under s. 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent ss. in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the H I

courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance …

**[11]** Adalah jelas bahawa perintah tahanan adalah dibuat berdasarkan borang yang ditetapkan. Tidak ada maklumat untuk menentukan sama ada borang ini diwartakan. Berhubung dengan tujuan perintah tahanan, terdapat tiga (3) tujuan yang dinyatakan, iaitu:

(a) mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam*

(b) menghapuskan kekerasan*

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan*.

**[12]** Perlu ditarik perhatian bahawa di akhir setiap perenggan tujuan itu terdapat simbol asterisk (bintang) yang membawa makna bahawa Timbalan Menteri boleh memotong mana-mana tujuan yang tidak berkenaan. Oleh itu, sekiranya Timbalan Menteri berpendapat, selepas menumpukan mindanya terhadap cabang yang terpakai dan relevan, hanya salah satu daripada tujuan (a) atau (b) atau (c) yang terpakai, beliau bolehlah memotong mana-mana tujuan yang tidak terpakai itu terhadap pemohon. Begitu juga sebaliknya, jika Timbalan Menteri berpendapat, selepas menumpukan mindanya terhadap cabang yang terpakai, bahawa kesemua cabang tersebut terpakai, beliau tidak perlu membuat apa-apa pemotongan.

**[13]** Dengan hormat, mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujah peguam terpelajar bahawa Timbalan Menteri mesti membuat pilihan hanya salah satu dari tujuan (a), (b) atau (c) sahaja yang terpakai. Ini adalah kerana, jika selepas meneliti fail kes pemohon yang mengandungi dokumen-dokumen serta laporan-laporan lengkap berhubung dengan penahanan dan penyiasatan yang telah dijalankan ke atas pemohon, beliau berpuas hati bahawa pemohon perlu ditahan bagi kesemua tujuan yang diliputi oleh s. 4(1) Ordinan tersebut, beliau adalah berkuasa dan berhak untuk berbuat sedemikian. Menghendaki Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia membuat pilihan hanya salah satu dari tujuan (a), (b) atau (c) sahaja yang terpakai adalah bertentangan dengan kehendak s. 4(1) Ordinan tersebut.

**[14]** Dalam afidavit jawapan yang diikrarkan pada 21 April 2008, Timbalan Menteri telah menjelaskan perkara ini seperti yang berikut:

> 8. Selanjutnya, saya telah mengarahkan pegawai saya, ENCIK ZAHIRUL FAHMI BIN ZAINI untuk menyediakan Perintah Tahanan serta penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan yang bersesuaian dengan keputusan saya supaya Pemohon ditahan mulai 01-10-2007. Lanjutan daripada arahan tersebut, ENCIK ZAHIRUL FAHMI BIN ZAINI telah mengemukakan Perintah Tahanan serta penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan yang dikehendaki oleh saya dan setelah disemak, saya mendapati butiran-butiran pada Perintah Tahanan yang telah disediakan itu adalah bersesuaian dengan kehendak keputusan saya yang memerintahkan Pemohon ditahan iaitu bagi tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Dalam hal berkaitan Pemohon, saya menyatakan bahawa setelah meneliti laporan dan dokumen-dokuman yang terkandung dalam kes fail berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Pemohon, saya telah menggunakan minda saya dan saya telah berpuas hati bahawa Pemohon adalah seorang ahli sindiket pelacuran yang telah melibatkan diri dalam kegiatan jenayah yang mengancam ketenteraman awam dan berunsur kekerasan. Pemohon telah mengurung perempuan warganegara Indonesia di kawasan Ampang, Selangor untuk tujuan memaksa perempuan warganegara Indonesia menjadi pelacur di kawasan Kuala Lumpur. Saya berpuas hati bahawa penahanan perlu dibuat ke atas Pemohon dengan tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan.
>
> 9. Seterusnya, saya mendapati perenggan (a), (b) dan (c) pada Perintah Tahanan yang disediakan bersesuaian dengan keputusan saya yang tujuan penahanan Pemohon adalah atas tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Oleh yang demikian saya tidak memotong mana-mana perenggan pada Perintah Tahanan tersebut. Saya telah menurunkan tandatangan saya pada Perintah Tahanan tersebut sebagai pengesahan bahawa Perintah Tahanan tersebut dibuat atas kehendak dan keputusan saya dan bukannya oleh orang lain. Selanjutnya saya mengarahkan ENCIK ZAHIRUL

A FAHMI BIN ZAINI untuk menurunkan tandatangannya pada penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan. ENCIK ZAIRUL FAHMI BIN ZAINI selanjutnya telah mematuhi arahan saya itu dengan menurunkan tandatangan beliau ke dokumen tersebut. Salinan Perintah Tahanan tersebut adalah B seperti yang diekshibitkan sebagai "LWK-1" dalam Afidavit Pemohon manakala penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan ditandakan sebagai ekshibit "LWK-2" dalam Afidavit Pemohon.

C

14. Merujuk perenggan 6, 7 dan 8 dalam Afidavit Pemohon, saya menafikan penyataan di dalamnya dengan mengulangi penyataan saya dalam perenggan 9 dan 10 di atas dan menegaskan bahawa saya telah mengaplikasikan minda saya dalam membuat Perintah Tahanan terhadap Pemohon dengan tujuan untuk mencegah D Pemohon daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam dengan menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan kerana Pemohon telah terlibat dalam melakukan perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam iaitu seorang ahli sindiket yang E bergantung kepada hasil keuntungan dari kegiatan pelacuran melibatkan perempuan warganegara Indonesia. Pemohon juga telah terlibat dalam jenayah melibatkan kekerasan kerana telah mengurung mangsa 7 perempuan warganegara Indonesia untuk tujuan memaksa mangsa bekerja sebagai pelacur dan Pemohon telah merogol mangsa seorang perempuan warganegara Indonesia F yang dikurung untuk tujuan pelacuran.

**[15]** Adalah jelas bahawa Timbalan Menteri telah menumpukan mindanya terhadap cabang-cabang s. 4(1) Ordinan itu yang terpakai dan relevan terhadap pemohon dan berpuas hati bahawa G kesemua tujuan yang terdapat di (a), (b) dan (c) adalah terpakai. Dalam keadaan tersebut, tiada apa-apa pemotong kepada mana-mana tujuan itu perlu dibuat oleh beliau.

**[16]** Berhubung dengan ketiadaan perkataan "dan" antara ruangan perenggan (a), (b) dengan perenggan (c) pada perintah H tahanan, Timbalan Menteri dalam afidavitnya mengikrarkan bahawa:

10. Saya selanjutnya dengan suci hati menyatakan bahawa ketiadaan perkataan "dan" antara ruangan perenggan (a), (b) I dengan perenggan (c) pada Perintah Tahanan ekshibit "LWK-1" dalam Afidavit Pemohon adalah ketidakaturan yang tidak membawa apa-apa implikasi kepada ketidakpatuhan substantif seksyen 4(1)

Ordinan tersebut. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa semasa saya memutuskan untuk membuat Perintah Tahanan tesebut terhadap Pemohon, saya telah berpuas hati bahawa Perintah Tahanan tersebut dibuat berasaskan kepada perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) seperti dalam ekshibit "LWK-1" dalam Afidavit Pemohon iaitu atas tujuan untuk mencegah Pemohon daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam dengan menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Saya sesungguhnya menyatakan pengataan-pengataan fakta Perintah Tahanan tersebut diasakan adalah dalam skop perenggan-perenggan (a) dengan (b) dan (c) Perintah Tahanan tersebut. Maka saya dengan suci hati menegaskan bahawa ketiadaan perkataan "dan" tersebut hanyalah kecacatan dari segi borang dan bukan satu kecacatan yang bersifat substantif.

**[17]** Adalah diakui bahawa mengikut kaedah nahu yang mudah (as a matter of simple grammar), sekiranya perkataan 'dan' diletakkan antara ruangan perenggan (a), (b) dengan perenggan (c) pada perintah tahanan, ia akan lebih jelas menunjukkan 'conjunctive connotation'. Begitu juga sebaliknya. Jika perkataan 'atau' diletakkan antara ruangan perenggan (a), (b) dengan (c) pada perintah tahanan, setiap perenggan itu pada kebiasaannya adalah dimaksudkan sebagai 'disjunctive'.

**[18]** Pada pandangan mahkamah adalah tidak selamat untuk terlalu bergantung kepada penyifatan ('characterization') sesuatu perenggan tujuan penahanan pemohon yang terdapat dalam perintah tahanan sebagai 'conjunctive' atau 'disjunctive' untuk menyimpulkan dengan pasti niat sebenar Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia apabila beliau membuat perintah tersebut. Ini adalah kerana, dalam menafsirkan sesuatu statut sekalipun "courts may construe 'and' as 'or' in statutes where a construction based on the strict reading of the statute would lead to an intended or unreasonable result and would defeat the legislative intent of the statute "(lihat kes *Byte Intern. Corp. v. Maurice Gusman Residuary Trust No. 1*, 629 So. 2nd 191, 192 (Fla. Dist. Ct. App. 1993). Dengan perkataan lain, penyifatan sesuatu seksyen atau perenggan kepada seksyen kepada 'conjunctive' atau 'disjunctive' tidak boleh dengan tepat menentukan niat sebenar Parlimen atau menentukan niat atau hasrat oleh pihak eksekutif. Kesemua fakta dan keadaan yang terdapat dalam kes berkenaan perlu diambilkira.

**[19]** Tujuan sebenar Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia membuat perintah tahanan terhadap pemohon perlu dilihat kepada perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) yang terdapat dalam perintah tahanan itu sendiri (eks. "LWK1" kepada afidavit pemohon) di mana tiada mana-mana dari perenggan tersebut telah dipotong oleh beliau sebagai tidak berkenaan dan dengan demikian semua perenggan tersebut hendaklah dianggap relevan. Rujukan juga perlu dibuat kepada afidavit beliau yang menjelaskan secara terperinci mengapa kesemua tujuan yang terdapat dalam perenggan (a), (b) dan (c) itu terpakai terhadap pemohon. Sesungguhnya keputusan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia ialah untuk menahan pemohon atas semua tujuan yang terdapat dalam s. 4(1) Ordinan, iaitu mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Pada pandangan mahkamah tidak ada apa-apa keraguan yang berbangkit mengenai perkara ini. Kesimpulan selainnya adalah bertentangan dengan keberatan ('weight') keterangan dan fakta yang terdapat dalam kes ini.

**[20]** Berdasarkan kepada alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa permohonan writ *habeas corpus* yang dibuat oleh pemohon adalah tidak mempunyai merit dan dengan demikian ditolak.